**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 08 OGOS 2017 (SELASA)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| Utusan Malaysia | |
| - Umpama mencurah air ke daun keladi” | 30 |
| - Isu Broga : Kerajaan Selangor tidak sensitive | 30 |
| - PTD Gombak, PKNS janji selesai isu hak milik strata | 30 |
| - JMB tiada, punca bangunan tidak diselenggara-MPAJ | 30 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>08 OGOS 2017 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | "Umpama mencurah air ke daun keladi" |
| Muka Surat | 30 |



UTUSAN MALAYSIA — MUKA 30

SELASA • 08.08.2017

# UTUSAN KOTA

**Unit Berita Kota**
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

KETIADAAN geran hak milik strata menyukarkan penduduk Flat Taman Keramat Permai, Hulu Klang, Selangor berurusan pada masa akan datang.

BUMBUNG bocor antara masalah yang dihadapi penduduk perumahan itu.

**REAKSI**

**SEGERA SELESAI ISU**

"SUDAH lama saya menetap di perumahan ini, namun tiada sebarang kerja-kerja baik pulih kemudahan di sini dilaksanakan."
**JAMALY BUYUNG**
Penduduk

"APA akan jadi pada anak-anak kami jika geran hak milik strata masih belum diserahkan kepada penduduk. Saya sangat berharap pihak berwajib dapat selesaikan masalah ini dengan segera.
**JURIAH MUKMIN**
Penduduk

"DIHARAP pihak berkenaan dapat turun padang berbincang dengan penduduk dan mencari jalan bagaimana untuk membantu penduduk menyelesaikan isu yang dibangkitkan,"
**SUKIRMAN MUKNI**
Penduduk

PENDUDUK Flat Taman Keramat Permai, Hulu Klang, Selangor berkumpul bagi mendesak kerajaan Selangor menyelesaikan isu hak milik strata dan baik pulih infrastruktur di perumahan itu, Rabu lalu.

**Flat Taman Keramat Permai**

Penduduk lebih 3,000 orang

Mempunyai 12 blok

Belum menerima geran sejak lebih 27 tahun

Infrastruktur tidak diselenggarakan oleh PBT

Jalan AU 1b/2
Jalan AU 1b/2
Jalan AU 1b/1
Jalan AU 1b/2b

PTD Gombak, PKNS janji

# ‘Umpama mencurah air ke daun keladi’

ISU RAKYAT

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

■ HULU KELANG 7 OGOS

KEPADA siapa dan di mana lagi penduduk Flat Taman Keramat Permai di sini untuk mengadu dan menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Ini kerana pihak yang diharap iaitu kerajaan negeri Selangor terus berdiam diri dalam dua isu utama yang dibangkitkan sebelum ini iaitu isu geran hak milik strata dan kemudahan infrastruktur yang uzur di bangunan itu.

Umpama ‘mencurah air ke daun keladi’ segala-galanya sia-sia.

Koordinator Pembangunan Persekutuan N18 Dewan Undangan Negeri Hulu Klang, Ismail Ahmad berkata, penduduk sangat terkilan apabila suara mereka seolah-olah dipandang sepi pihak bertanggungjawab.



**KEGAGALAN** pihak berkuasa tempatan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan menyebabkan penduduk hidup dalam keadaan tidak selesa.

Menurutnya, penantian penduduk selama lebih 27 tahun untuk mendapatkan geran hak milik strata kediaman itu belum menampakkan hasil walaupun usaha ke arah itu dilakukan.

“Bagaimanapun kami tidak sesekali mengalah sebaliknya terus mendesak pihak kerajaan negeri dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya agar segera mengambil tindakan.

“Kegagalan mengeluarkan geran hak milik strata itu bakal menyusahkan penduduk suatu hari nanti,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini pada Khamis lalu, beliau mengetuai bantahan aman bersama penduduk setempat mendesak kerajaan Selangor dan MPAJ segera menyelesaikan beberapa isu di perumahan itu.

Dua isu utama tersebut adalah untuk mendapatkan geran hak milik strata dan kerja-kerja membaik pulih kemudahan infrastruktur yang uzur terutama longkang dan bumbung.

> **Penantian penduduk selama lebih 27 tahun untuk mendapatkan geran hak milik strata kediaman itu belum menampakkan hasil walaupun usaha ke arah itu dilakukan.”**
>
> **ISMAIL AHMAD**
> **Koordinator Pembangunan Persekutuan N18 Dewan Undangan Negeri Hulu Klang**

---

**MAKLUM BALAS 1**

**KUALA LUMPUR 7 Ogos** - Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Gombak akan turun padang berjumpa penduduk bagi menyelesaikan isu kelewatan pemberian geran hak milik strata kediaman Flat Taman Keramat Permai di sini.

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Amirul Azizan Abd. Rahim berkata, pihaknya telah mengadakan mesyuarat dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ( PKNS ) dan akan menyelesaikan masalah tersebut dengan segera.



**AMIRUL AZIZAN ABD. RAHIM**

“Diharapkan penduduk bersabar dan menunggu keputusan yang akan diberitahu kelak.

“Pihak kami tidak dapat membuat keputusan secara bersendirian tanpa melakukan pembincangan dengan PKNS.

“Saya yakin masalah ini dapat diselesaikan dengan segera,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai desakan penduduk Flat Taman Keramat Permai agar kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya menyelesaikan isu yang dihadapi penduduk.

Dua isu tersebut adalah ketiadaan geran hak milik strata dan baik pulih kemudahan infrastruktur uzur.

Sementara itu, Pengurus Komunikasi Korporat PKNS, Ishak Hashim berkata, pihaknya akan mengemukakan permohonan kepada PTD Gombak bagi menyelesaikan isu tersebut dengan segera.

“Pembangunan flat tersebut merupakan projek penswastaan antara PKNS dan Jurubina Tenaga (JBT) dan proses permohonan hak milik strata dan pindak milik sepatutnya dilakukan oleh Jurubina Tenaga (JBT).

“Bagaimanapun, syarikat tersebut telah diisytiharkan muflis maka PKNS mengambil inisiatif untuk mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta PTD Gombak,” katanya.

---

## JMB tiada, punca bangunan tidak diselenggara-MPAJ

**MAKLUM BALAS 2**

**KUALA LUMPUR 7 Ogos** - Kegagalan menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) merupakan punca utama masalah kemudahan infrastruktur tidak diselenggara dengan baik di Flat Taman Keramat Permai di sini.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Norhayati Ahmad berkata, ekoran daripada itu tiada kutipan caj selenggaraan dibuat dan kawasan itu tidak boleh diurus.



**NORHAYATI AHMAD**

Menurutnya, selain itu perumahan tersebut turut berdepan masalah tunggakan tanah yang tinggi kepada Pejabat Tanah Daerah Gombak.

“Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPAJ juga dari semasa ke semasa berusaha memastikan semua kawasan pemajuan berstrata di bawah pentadbiran kami menubuhkan JMB atau Perbadanan Pengurusan (MC).

“Perancangan untuk menubuhkan JMB di kawasan ini sedang dibuat dan komitmen daripada pemunya petak sangat diperlukan. Bagaimanapun, rekod menunjukkan pemunya petak tidak pernah menyuarakan kesungguhan menubuhkan JMB,” katanya.

Tambahnya, persatuan penduduk di situ juga dicadang memohon kepada kerajaan negeri Selangor untuk menyertai program Ceria yang dilancarkan untuk membantu baik pulih rumah pangsa.

---

## Isu Broga: Kerajaan Selangor tidak sensitif

**KUALA LUMPUR 7 Ogos** - Kerajaan Selangor disifatkan tidak peka dan sensitif terhadap isu penerokaan Bukit Broga di Semenyih.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abd. Aziz berkata, walaupun isu tersebut dibangkitkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum ini, tiada tindakan proaktif diambil kerajaan negeri.



**JOHAN ABD. AZIZ**

“Saya menganggap isu ini ibarat ‘nasi sudah jadi bubur’. Saya yakin kerja-kerja tanah dan infrastruktur di situ tiada kelulusan pihak berkuasa terlibat.

“Bagaimanapun, saya tidak mahu tuding jari kepada mana-mana pihak dan berharap kerakusan penerokaan atau pencerobohan di Bukit Broga tidak berlaku di tempat lain,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, *Mingguan Malaysia* menyiarkan laporan berhubung penerokaan dan pencerobohan tanah yang didakwa dilakukan secara haram di Bukit Broga, Semenyih.

Selain pencerobohan tanah, beberapa isu lain melibatkan para pendaki turut berlaku di kawasan tanah milik kerajaan negeri itu.

Menurut Johan, jika isu tersebut tidak ditangani sudah pasti akan membawa kepada kerugian besar terhadap industri pelancongan di Selangor.

“Saya kecewa kerana pihak terbabit bukan sekadar tidak peka dan bertanggungjawab, malah mereka tidak kisah terhadap destinasi tumpuan pelancong itu.

“Sejak dari awal lagi banyak aduan daripada pengunjung dan pendaki terutama isu bayaran untuk ke puncak Broga dan caj parkir,” katanya.

Tambahnya, beliau pernah mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri melaksanakan kerja-kerja naik taraf bagi keselesaan dan keselamatan pengunjung, tetapi hanyalah sia-sia.

“Apabila isu ini disiarkan di akhbar dan aduan orang ramai, barulah ada maklum balas.

Bagi saya mereka tidak melaksanakan tindakan proaktif,” katanya.


Bukit Broga ‘rakus’ diteroka

**KERATAN** ***Mingguan Malaysia*** **6 Ogos 2017.**